

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN SENIBINA DALAMAN**

APRIL 2009

Adalah disyorkan bahawa Laporan Penyelidikan Projek ini yang disediakan


Oleh

SITI ASIAH BINTI SALAHUDDIN

Bertajuk

**Laporan Kajian Akhir Cadangan Rekabentuk Dalaman
Galeri Putrajaya Di Blok 3 Dan 4, North Street Commercial,
Jalan Alamanda 1, Precint 1, 62000 Putrajaya, Malaysia.**

diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia Laporan :  En. Mohamed Nizam Bin Abd Aziz
Koordinator Kursus : _____ Pn. Azizah Binti Md Ajis
Koordinator Program : _____ Prof Madya Dr. Hj. Mohd Sabrizaa Bin Abd. Rashid

ABSTRAK

Cadangan merekabentuk galeri bagi Putrajaya adalah di suatu idea baru yang di mana tiada lagi galeri di Malaysia atau di Putrajaya sendiri yang menceritakan tentang perkembangan pembangunan Putrajaya. Info-info yang akan diselitkan adalah mengenai sejarah Putrajaya, perkembangan semasa Putrajaya serta masa hadapan Putrajaya. Imej serta rekabentuk galeri yang unik adalah bersangkutan paut dengan klien iaitu Putrajaya Holdings bagi menarik minat pengunjung untuk datang. Selain itu, melalui susun atur ruang dalam rekabentuk galeri dapat membawa pengunjung menyelami dan memahami isi kandungan yang dipamerkan di galeri. Galeri ini bukan sahaja memberi info mengenai Putrajaya malah menyediakan perkhidmatan seperti kafeteria serta 'info centre' bagi membolehkan pengunjung berasa selesa semasa mengunjungi galeri.

KANDUNGAN

MUKA SURAT

Abstrak

i

Penghargaan

ii

Isi Kandungan

iii - vi

Senarai Rajah

vii-xi

BAB 1.0 PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

1-2

1.2 METODOLOGI KAJIAN

3

1.3 MATLAMAT KAJIAN

4-5

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

6-7

1.5 SKOP KAJIAN

8-9

1.6 HALANGAN KAJIAN

10

1.7	KEPENTINGAN KAJIAN	11-12
BAB 2.0	KLIEN	
2.1	PENGENALAN	13
2.2	LATAR BELAKANG KLIEN	14-16
2.3	CARTA ORGANISASI	17
2.4	VISI DAN MISI KLIEN	18
BAB 3.0	KAJIAN DAN ANALISA	
3.1	PENGENALAN	19
3.2	PELAN KUNCI	20
3.3	PELAN LOKASI	21-22
3.4	FAKTOR PERSEKITARAN	23
3.5	KEMUDAHAN PENGANGKUTAN	24
3.6	ANALISA BANGUNAN	25-32



1.0 PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Laporan projek akhir ini merupakan salah satu syarat untuk mendapatkan Diploma Senibina Dalaman di Universiti Teknologi Mara. Kursus ini adalah sebagai latihan pemahaman pelajar tentang reka bentuk, dimana pada tahap ini pelajar diberi tugas untuk menyediakan skema reka bentuk berasaskan kajian dan pemerhatian berkaitan masalah dan isu yang wujud didalam sesuatu proses reka bentuk. Tajuk tesis bagi projek akhir Diploma Senibina Dalaman ini adalah Cadangan Rekabentuk Dalaman Galeri Putrajaya di Blok 3 dan 4, North Street Commercial, Jalan Alamanda 1, Precint 1, 62000 Putrajaya, Malaysia.

Malaysia mula mencari bandar baru sejak dekad yang lalu. Selepas membuat tinjauan di merata-rata kawasan terutama sekali di Pahang, Dato' Sri Dr Mahathir memilih selatan Perang Besar sebuah daerah dibawah Kerajaan Negeri Selangor dan melancarkannya pada tahun 1995. Perkataan " Putra" dipilih sempena nama Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Nama ini telah ditambah dengan perkataan "jaya" yang bermaksud "kecemerlangan". Putrajaya dirancang dan didirikan untuk rakyat Malaysia oleh rakyat Malaysia sendiri. Bandar ini merupakan satu daripada 2 bandar "intelekt" dibawah projek Koridor Raya Multimedia (MSC), satu projek zon teknologi seluas 15 x 50 km.